

30 AUG 2003

Mahathir-Merdeka

TIADA JALAN MUDAH UNTUK CAPAI KEJAYAAN - DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat Malaysia terutama kaum Bumiputera boleh mencapai kejayaan dalam apa juga bidang jika mereka sanggup melatih diri, berdisiplin, tidak tamak dan bersabar.

Dalam perutusan sempena Hari Kebangsaan ke-46 secara langsung menerusi radio dan televisyen, Perdana Menteri berkata tidak ada jalan mudah untuk mencapai kejayaan.

"Jika kita sanggup bertekun, sabar, tidak mencari jalan yang mudah, percayalah kita boleh berjaya seperti orang lain berjaya," katanya.

Beliau berkata kejayaan rakyat Malaysia menghadapi cabaran belayar keliling dunia, merentasi Selat Inggeris, mendaki Gunung Everest, berjalan ke Kutub Utara adalah disebabkan persediaan rapi, kesabaran dan kecekalan menghadapi cabaran.

"Di sini ingin saya nyatakan kekecewaan saya kerana ramai orang Melayu termasuk pemuda Melayu yang bertanya kepada Azhar (pelayar Datuk Azhar Mansor) "Apa ilmu yang beliau pakai," katanya.

Dr Mahathir berkata maksud mereka ialah ingin mengetahui ilmu ghaib, ilmu yang diselit dengan doa tertentu yang kononnya akan menjamin kejayaan.

Mereka ingin tahu ilmu ini supaya dengan mudah mereka juga boleh menghadapi cabaran dan berjaya.

"Tidak ada ilmu kebal, tidak ada ilmu ghaib yang boleh menjamin kejayaan," katanya.

Beliau berkata orang Melayu, yang semuanya beragama Islam dan berpegang kepada Al-Quran dan hadis tentu tahu Nabi Muhammad SAW sendiri terpaksa melalui pelbagai cabaran, aneka jenis ujian dan kegagalan sebelum Baginda mencapai kejayaan.

"Jika kita benar-benar pegang kepada hadis dan sunnah Nabi maka iman dan sifat-sifat ketekunan, keberanian dan disiplin yang ada pada Nabi tentulah dicontohi oleh kita," katanya.

Dr Mahathir berkata hanya setelah mereka berjaya melengkapkan diri dengan kebolehan dan semangat barulah boleh mereka mencuba.

"Kita mungkin berjaya. Kita mungkin gagal. Gagal, kita bangun dan cuba lagi. Kita berdoa, kita pohon pertolongan daripada Yang Maha Esa. Dan kita cuba dan cuba lagi. Jika berjaya kita bersyukur, jika tidak kita tidak kecewa," katanya.

Beliau berkata Malaysia ingin melihat anak bangsanya ke angkasa lepas dan memerlukan calon yang sesuai, yang bersemangat, berdisiplin dan berani.

"Adalah diharapkan ramai calon yang akan mempelawa diri untuk menjadi angkasawan Malaysia yang pertama, yang akan mengharumkan nama Malaysia," katanya.

Dalam ucapan yang lebih tertumpu kepada masalah Bumiputera, orang Melayu dan Islam, Perdana Menteri berkata pembangunan mereka belum sama dengan kaum lain.

"Pendapat saya ialah imbalan antara Bumiputera dan bukan Bumiputera adalah kunci kepada kesejahteraan hidup dan keamanan negara bertuah ini," katanya.

Matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB), katanya, tidak tercapai sepenuhnya kerana Bumiputera kurang sabar, suka jalan mudah dan tamak, sanggup menjual balik hak mereka kepada bukan Bumiputera untuk mendapat untung cepat.

"Bukan sahaja saham dijual balik tetapi kontrak, peluang dan apa sahaja yang didapati, dijual balik dan ini sudah tentu menggagalkan pelaksanaan

DEB," katanya.

DEB mensasarkan agihan 30 untuk Bumiputera, 40 peratus bukan Bumiputera dan 30 peratus asing.

Dr Mahathir berkata setelah 33 tahun DEB dilaksanakan bahagian Bumiputera hanyalah 19 peratus dan itupun disebabkan institusi Bumiputera diperuntukkan bagi bahagian Bumiputera.

Dr Mahathir berkata tentu ada di kalangan Bumiputera yang tidak senang dengan kegagalan mencapai matlamat DEB setelah 46 tahun merdeka dan tentu ada yang ingin cari kesalahan terutamanya kesalahan kerajaan.

Beliau mengajak mereka ini supaya mengakui kesalahan sendiri dan memperbetulkan kesalahan itu.

Perdana Menteri berkata jika orang Islam berpegang kepada ajaran Islam yang sebenar, yang tidak diputarbelit oleh orang yang berkepentingan, orang Islam tetap maju dan berjaya dalam semua bidang.

Dalam bidang perniagaan umat Islam tetap berjaya jika mereka beramanah, sabar, berdisiplin, membendung nafsu, jujur dan ikhlas, katanya.

Beliau juga menyentuh bagaimana pada mulanya orang Melayu menjual hak dan maruah mereka untuk mendapatkan keuntungan segera sehingga akhirnya menjual agama untuk mencapai kemenangan politik.

"Bagi yang menjual agama kerana kepentingan tertentu, mereka berdosa kerana mereka membawa kecelakaan kepada orang Islam, menjadikan mereka lemah, tertindas dan dihina bersama agama mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata strategi dan pendekatan untuk membangunkan negara, menaikkan taraf hidup rakyat ialah dengan jati diri dan membentuk pendekatan sendiri setelah memeriksa dengan halus cara dan pendekatan orang lain.

Hasilnya kita dapat membuktikan bahawa cara kita tidak kurang baik daripada cara orang lain dan mungkin lebih baik, katanya.

"Dunia sekarang akui cara kita mampu menangani masalah kita, mampu menjayakan kita lebih daripada cara yang diamalkan oleh orang lain.

"Kita boleh. Dan kita boleh jadi negara maju menjelang tahun 2020. Insyallah," tegas beliau.

Perdana Menteri turut mengimbas peningkatan taraf hidup rakyat negara ini dan kemudahan infrastrukturnya setelah 46 tahun negara merdeka, hasil sumbangan rakyat dan perancangan kerajaan.

Menyentuh amalan demokasi pula, Dr Mahathir berkata demokrasi adalah untuk kesejahteraan hidup rakyat dan bukan kesejahteraan hidup rakyat harus dikorbankan untuk demokrasi.

Begitu juga dengan pemerintahan berasaskan undang-undang, yang dimaksudkan ialah undang-undang yang diterima oleh majoriti rakyat dengan hak minoriti dan hak individu mesti dipelihara tetapi tidak sehingga hak majoriti terkorban, katanya.

--BERNAMA

JM JM RON